

# Perwanit anjur kegiatan elak dadah melalui silat 8

27 SEP 1989

Oleh SAINI SALLEH\*

PERSATUAN Wanita dan Teruna (Perwanit), dengan kerjasama lapan kumpulan silat setempat, akan mengadakan satu perkampungan yang bertujuan menjauhkan golongan belia daripada pengaruh dadah dan meningkatkan kesedaran mereka tentang bahaya itu.

Setiausaha Agung Perwanit, Encik Johari H.M. Uriff, memberitahu *Berita Harian* bahawa perkampungan itu akan diadakan di pusat pendidikan Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis) pada 8 Oktober ini sempena kempen mencegah penyalahgunaan dadah yang berlangsung sekarang.

Perkampungan bertemakan *Melalui pencak silat kita bina satu masyarakat yang sihat dan berdisiplin* itu dijangka menarik penyertaan 300 pesilat setempat.



Menurut Encik Johari, ia juga akan melibatkan bekas penagih yang menjalani pemulihan di rumah tumpangan Perintis yang terletak di pusat pendidikan Pertapis di Lorong 23 Geylang, *ANTIKORUPSI SINGAPORE*.

"Dengan menarik penyertaan bekas penagih, kami berharap mereka akan berasa bahawa orang ramai tidak mengetepikan mereka dan sedia

menerima mereka pulang ke pangkuan masyarakat," katanya. *ANTIKORUPSI SINGAPORE*

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Johari berkata pihaknya berharap dapat menghidupkan kembali kegiatan silat dan menarik penyertaan lebih ramai belia yang lebih terdedah kepada pengaruh kurang sihat terutama dadah.

"Dengan menyertai kegiatan yang mengutamakan disiplin diri yang tinggi ini, mereka tidak mudah terpengaruh atau terjebak ke kancah dadah," katanya lagi.

Lapan kumpulan silat yang turut sama menganjurkan perkampungan itu ialah Silat Seni Gayong, Seni Gayong Pasak Panca Sakti, Sendeng Belalang, Cekak, Seligi Tunggal, Setia Bakti, Pencak Sunda dan Tapak Suci.

Encik Johari selanjutnya berkata bahawa antara kegiatan yang telah diatur termasuk-

lah ceramah dan pameran antidadah yang dianjurkan dengan kerjasama *Perkhidmatan Menasihati Muslim-Persatuan Anti-Narkotik Singapura (MCS-Sana)*.

Acara-acara utama sepanjang perkampungan dari pagi hingga ke malam ialah acara sukan ala silat dan persembahan pelbagai jenis silat.

Menurut Encik Johari lagi, selepas perkampungan itu berakhir kelak, Perwanit akan terus mengadakan latihan silat setiap Ahad di padang berhadapan dengan rumah tumpangan itu untuk terus menarik penyertaan mereka dalam kegiatan silat.

Perkampungan itu akan dirasmikan oleh Anggota Parlimen (AP) Siglap, Encik Abdulah Tarmugi, dan ditutup oleh AP Kawasanundi Perwakilan Kumpulan (GRC) Bedok, Encik Ibrahim Othman.